

AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES TERANCAM 2008

PERATURAN - PERATURAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES TERANCAM (PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 54(2)(e) Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam (Pengkompunan Kesalahan) 2010**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 23 Julai 2010.

Kesalahan yang boleh dikompun

2. Kesalahan yang boleh dikompun adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Tawaran dan penyetujuteraan kompaun

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompun kesalahan hendaklah dibuat oleh Pihak Berkuasa Pengurusan dalam Borang 1 Jadual Kedua.

(2) Seseorang yang menyetuju terima tawaran untuk mengkompun kesalahan hendaklah mengemukakan bayaran bagi kompaun itu dengan menggunakan Borang 2 Jadual Kedua.

Penyampaian Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan

4. (1) Bagi maksud subperaturan 3(1), Pihak Berkuasa Pengurusan boleh menyampaikan Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 1 Jadual Kedua kepada orang itu melalui cara seperti yang berikut:

- (a) serahan sendiri;
- (b) Resit Akuterima (A.R) Pos Berdaftar kepada alamat terakhir yang diketahui;
- (c) dengan menampal Notis itu di tempat perniagaan biasa yang mudah untuk dilihat.

(2) Jika Pihak Berkuasa Pengurusan berpendapat bahawa adalah tidak praktikal dalam melaksanakan penyampaian Notis itu melalui cara sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1), Pihak Berkuasa Pengurusan boleh menyampaikan Notis itu melalui apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan.

(3) Penyampaian Notis di bawah peraturan ini hendaklah dianggap telah diserahkan kepada orang tersebut.

Pembayaran kompaun

5. (1) Orang yang menyetuju terima tawaran untuk mengkompaun hendaklah membuat bayaran kepada Pihak Berkuasa Pengurusan melalui kiriman wang, kiriman pos, perintah juruwang, cek jurubank, draf bank kepada Pihak Berkuasa Pengurusan dan dipalng dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”, atau melalui apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan.

(2) Bukti pembayaran hendaklah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan kepada orang itu apabila menerima bayaran kompaun itu.

JADUAL PERTAMA

(Peraturan 2)

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAN

Kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 yang boleh dikompaun adalah seperti yang berikut:

- (a) subseksyen 15(3);
- (b) subseksyen 17(4);
- (c) subseksyen 28(3);
- (d) subseksyen 30(2);
- (e) seksyen 39;
- (f) seksyen 47*.

*Nota: Kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen ini ialah kesalahan yang boleh dikompaun dengan syarat bahawa kesalahan yang dilakukan adalah berhubung dengan kesalahan yang dilakukan di bawah perenggan (a), (b), (c), (d), dan (e) sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual ini.

JADUAL KEDUA

BORANG 1

AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPECIES TERANCAM 2008

PERATURAN - PERATURAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES
TERANCAM (PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2010

[Subperaturan 3(1)]

NOTIS TAWARAN UNTUK MENKOMPAN KESALAHAN

Apabila menjawab sila nyatakan :

Nombor rujukan :

Tarikh :

Kepada :

.....
.....
.....
.....

Tuan/Puan*,

Suatu penyiasatan telah dijalankan dan anda didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686] dengan butir-butir seperti yang berikut:

(a) Peruntukan yang berkaitan di bawah Akta:

(b) Tarikh : Masa :

(c) Tempat:

(d) Butir-butir kesalahan :

.....

.....

2. Menurut subseksyen 42(1) Akta, anda ditawarkan kompaun untuk kesalahan sebagaimana yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia:). Pembayaran hendaklah dibuat melalui kiriman wang/kiriman pos/perintah juruwang/cek jurubank/draf bank* kepada Pihak Berkuasa Pengurusan dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”, atau melalui apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan.

3. Bukti pembayaran hendaklah dikeluarkan apabila menerima bayaran kompaun.

4. Tawaran untuk mengkompaun ini berkuat kuasa sehingga dan jika tiada tiada apa-apa bayaran diterima pada atau sebelum tarikh itu, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis yang selanjutnya.

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

Tarikh :

.....
Untuk dan bagi Pihak Berkuasa Pengurusan

BORANG 2

AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPECIES TERANCAM 2008

PERATURAN - PERATURAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES
TERANCAM (PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2010

[Subperaturan 3(2)]

PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Nombor Laporan:

Kepada:

Pihak Berkuasa Pengurusan

.....
.....
.....

Saya merujuk kepada Notis Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan
..... bertarikh.....

2. Saya bersetuju menerima tawaran untuk mengkompaun dan menyertakan bersama-sama ini jumlah wang sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia :.....) sebagai penyelesaian penuh jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan :

Nama:

(Dalam huruf besar)

Nombor Kad Pengenalan:

Alamat:

.....
.....

Tarikh :

Untuk kegunaan rasmi sahaja

Saya dengan ini mengesahkan telah mengkompaun kesalahan ini bagi jumlah wang sebanyak RM (Ringgit Malaysia:)

Tandatangan:

Cop rasmi:

Pihak Berkuasa Pengurusan:

No. bukti pembayaran.:

Tarikh:

Dibuat

Jun 2010

[NRE(S) 44/4/1/47 ; PN(PU²)672]

DATO SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar